



26 MAY, 2025

Sepakat capai empat hasil utama

Harian Metro, Malaysia



Oleh Mahaizura Abd Malik dan Muhamad Lokman Khairi
am@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Mesyuarat Majlis Komuniti Ekonomi Asean (AECC) ke-25 sepakat mencapai empat hasil utama, sekali gus memperkukuh hala tuju integrasi ekonomi serantau.

Mesyuarat yang dipengerusikan Menteri Pelaburan, Perdagangan dan Industri, Tengku Datuk Seri Zafrul Tengku Abdul Aziz itu berlangsung sebagai sebahagian daripada siri mesyuarat persediaan Asean dengan kehadiran menteri ekonomi dan delegasi dari negara anggota Asean serta Timor-Leste.

Tengku Zafrul berkata, mesyuarat itu membincangkan isu mendesak seperti ketegangan geopolitik dan kesan dasar tarif Amerika Syarikat (AS) terhadap perdagangan serta pelaburan Asean.

"Hasil penting pertama, mesyuarat mengalu-alukan kejayaan sepenuhnya Penyampaian Ekonomi Keutamaan (PED) Laos bagi 2024 menerusi penerimaan rasmi Pelan Hala Tuju Piawaian Perdagangan Digital, sekali gus menandakan kemajuan besar dalam agenda ekonomi digital Asean.

"Pencapaian kedua membabitkan Malaysia apabila dua PED negara bagi 2025 berjaya dimuktamadkan iaitu rundingan naik taraf Kawasan Perdagangan Bebas Asean-China (ACFTA 3.0) dan Perjanjian Perdagangan Barangan



PERSEMBAHAN tarian Sewang oleh suku kaum Mah Meri antara tarikan kebudayaan yang dipertontonkan sempena Sidang Kemuncak Asean ke-46 di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC).

KUKUH HALA TUJU INTEGRASI EKONOMI SERANTAU

Sepakat capai empat hasil utama

Asean (ATIGA) yang dijadualkan ditandatangani semasa Sidang Kemuncak Asean ke-47 pada Oktober nanti.

"Sejak sekian lama ATIGA yang menjadi teras integrasi ekonomi Asean kini bakal mengandungi peruntukan baharu yang bersifat berpandangan ke hadapan serta signifikan dari sudut komersial termasuk pemerkasaan perdagangan serantau, daya tahan rantaian bekalan dan integrasi yang lebih komprehensif," katanya pada sidang media selepas Mesyuarat AECC

ke-25 di sini, semalam.

Tengku Zafrul berkata, pencapaian ketiga pula membabitkan kejayaan rundingan Memorandum Perjanjian Dipertingkatkan (MoA) mengenai Grid Kua-

sa Asean (APG) yang akan ditandatangani semasa Mesyuarat Menteri-Menteri Tenaga Asean ke-43 (AMEM) pada Oktober 2025.

"Grid Kuasa Asean ini

adalah inisiatif strategik bagi memperkukuh keselamatan tenaga, kesalinghubungan dan kelestarian serantau.

"Dalam konteks ini, AECC turut menyokong usaha ke arah penubuhan Rangka Kerja Kemudahan Pembiayaan APG bagi merangsang aliran pelaburan tenaga merentas sempadan.

"Majlis juga menyokong penuh penganjuran mesyuarat bersama antara Menteri Tenaga, Kewangan dan Ekonomi Asean pada Ogos nanti untuk membincangkan pembiayaan dan

pelaburan tenaga secara lebih terperinci," katanya.

Katanya, pencapaian empat membabitkan status semasa Pelan Induk Komuniti Ekonomi Asean (AEC) 2025 yang kini berada di tahun terakhir pelaksanaannya dengan 22 peratus masih berjalan, setakat April lalu.

"Pencapaian 97 peratus itu menjadi asas kukuh kepada penyediaan Pelan Strategik AEC 2026-2030 yang akan dilancarkan sebagai sebahagian daripada dokumen Wawasan Komuniti Asean 2045 semasa Sidang Kemuncak Asean ke-46.

"Majlis mengesahkan komitmen terhadap pelaksanaan pelan strategik baharu ini.

"Selain itu, kita juga akan mengadakan sesi sosialisasi serantau pada 12 Jun di Kuala Lumpur untuk memperkenalkan manfaat pelan itu kepada semua pihak berkepentingan," katanya.

"Selain itu, kita juga akan mengadakan sesi sosialisasi serantau pada 12 Jun di Kuala Lumpur untuk memperkenalkan manfaat pelan itu kepada semua pihak berkepentingan"

Menteri Pelaburan, Perdagangan dan Industri,
Tengku Datuk Seri Zafrul Tengku Abdul Aziz